

## Penggunaan Kaedah Bercerita Sebagai Intervensi Anak yang Mengalami Autisme dalam kalangan Ibu Bapa

*(Using A Social Story Intervention Among Parents of Children with Autism)*

Tan Lee Wen<sup>1\*</sup> , Aliza Alias<sup>2</sup> 

<sup>1</sup>Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Integrasi) GENIUS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: Lwtan1989@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: eliza@ukm.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Tan Lee Wen  
(Lwtan1989@gmail.com)

### KATA KUNCI:

Kaedah bercerita  
Ibu bapa  
Autisme  
Intervensi

### KEYWORDS:

Social story  
Parents  
Autism  
Intervention

### CITATION:

Tan, L. W. & Aliza Alias. (2023). Penggunaan Kaedah Bercerita Sebagai Intervensi Anak yang Mengalami Autisme dalam kalangan Ibu Bapa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(3), e002150.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2150>

### ABSTRAK

Kanak-kanak yang mengalami autisme kurang mampu dari segi kemahiran komunikasi sosial, mempunyai masalah tingkah laku, minat dan aktiviti yang terhad boleh membawa kesan sukar memulakan interaksi, pencapaian akademik yang lemah dan akhirnya menjejaskan kualiti kehidupannya. Tingkah laku kanak-kanak autisme juga merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh ibu bapa. Kanak-kanak yang mengalami autisme memerlukan intervensi bagi membantu perkembangan komunikasi, sosial, emosi, pengurusan diri dan pengurusan tingkah laku mereka. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjalankan intervensi terhadap anak autisme di rumah disebabkan sebahagian masa membesar di rumah bersama dengan ibu bapa. Penggunaan kaedah bercerita merupakan salah satu strategi yang berkesan digunakan oleh ibu bapa untuk membantu dan mendidik anak autisme di rumah serta memberi impak yang positif bagi perkembangan komunikasi, sosial, emosi, pengurusan diri dan pengurusan tingkah laku anak autisme. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kemahiran ibu bapa dalam menggunakan kaedah bercerita sebagai intervensi anak autisme di rumah. Responden yang terlibat dalam kajian adalah 3 orang iaitu 2 orang ibu dan seorang bapa yang mempunyai anak autisme berumur antara 4 hingga 6 tahun. Pengumpulan data dilaksanakan menggunakan kaedah temu bual dan hasil dari penganalisan mendapati ibu atau bapa mempunyai kemahiran penggunaan kaedah bercerita kepada anak yang mengalami autisme di rumah dari aspek kesesuaian persekitaran penggunaan kaedah bercerita, kesesuaian waktu dan kekerapan penggunaan kaedah bercerita, dan medium penyampaian kaedah bercerita kepada anak autisme di rumah. Walau bagaimanapun, ibu bapa masih memerlukan sokongan dan bimbingan daripada guru supaya mampu menggunakan kaedah bercerita

dengan anak di rumah dengan lebih baik dan berkesan.

### ABSTRACT

Children with autism need intervention to improve their communication skills, social and emotional development, self-management and behavioral management. Parents play an important role in carrying out interventions for children with autism at home. This is because children spend a lot of their time at home with their parents. The use of social stories is one of the effective strategies employed by parents to help and educate autistic children at home and also for bringing a positive impact to the development of their communication skills, social, emotional, self-management and behavioral management. Therefore, the purpose of this study is to identify the parents' skills in using social story interventions for children with autism at home. Research subjects are to consist of 3 parents which are 2 mothers and 1 father who have children diagnosed with autism, while the age of the children range from 4 to 6 years. Data collection is based on online interviews, with a thematic analysis of data collected to answer research questions. On the whole, research findings have shown that parents have the skills to use social stories on children with autism at home. Parents managed to arrange based on suitability of social story environment, time and frequency of using social stories, and choose the medium of delivery for social stories to children with autism at home. However, parents still need support and guidance from teachers to be able to use social stories more effectively with their children at home.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada bahawa ibu bapa mempunyai kemahiran menggunakan kaedah bercerita sebagai intervensi kepada anak yang mengalami autisme di rumah. Bimbingan dan sokongan guru dapat memastikan penggunaan kaedah bercerita dijalankan secara konsisten dan berkesan di rumah.

## 1. Pengenalan

Jumlah kanak-kanak yang telah didiagnosis dengan kecelaruan spektrum autisme semakin meningkat. Setiap seorang daripada 59 kanak-kanak yang dilahirkan di seluruh dunia mempamerkan simptom autisme (Smith et al., 2021). Begitu juga di Malaysia, jumlah kanak-kanak yang didiagnosis dengan kecelaruan spektrum autisme turut semakin meningkat (Ainul Izzah et al., 2018). Tiada rawatan untuk menyembuhkan kanak-kanak yang mengalami autisme tetapi dengan intervensi yang berkesan dapat meningkatkan perkembangan dan tahap kefungsiannya mereka (Landa, 2018). Oleh itu, kanak-kanak autisme memerlukan intervensi awal yang sesuai dan komprehensif bagi membantu mereka mencapai potensi diri seawalnya. Intervensi awal kepada kanak-kanak autisme bukan sahaja boleh dijalankan di pusat intervensi awal dan sekolah, tetapi juga di rumah. Dengan itu, ibu bapa telah memainkan peranan yang penting bagi meneruskan intervensi kepada anak autisme di rumah.

Kanak-kanak autisme yang mendapat intervensi, pendidikan dan perhatian daripada ibu bapa di rumah telah menunjukkan perkembangan yang lebih baik berbanding dengan yang hanya menerima pendidikan di sekolah (Siti Izani et al., 2017; Yazici & Akman, 2020). Tanpa penglibatan ibu bapa dalam melaksanakan intervensi kepada anak autisme di rumah akan menjejaskan perkembangan dan tahap kefungsi-an anak dalam kehidupan harian (Estes et al., 2019). Kaedah bercerita merupakan intervensi yang berkesan dalam membantu perkembangan sosial, dan komunikasi serta modifikasi tingkah laku kanak-kanak autisme (Acar et al., 2017; Halle et al., 2016; Karal & Wolfe, 2018; Sunitha & Aliza, 2017).

Meskipun ramai pengkaji seperti Acar et al. (2017), Halle et al. (2016), Karal dan Wolfe (2018) serta Sunitha dan Aliza (2017) menegaskan bahawa penggunaan kaedah bercerita merupakan salah satu intervensi yang dapat merangsang perkembangan kanak-kanak autisme, namun terdapat segolongan ibu bapa tidak menjalankan intervensi dan pendidikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas seperti autisme kerana mereka tidak tahu cara untuk melibatkan diri (Ainul Izzah et al., 2018). Walaupun kaedah bercerita dapat meningkatkan kemahiran komunikasi, sosial, emosi, pengurusan diri dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak yang mengalami autisme (Halle et al., 2016), ibu bapa menghadapi cabaran mendapatkan perkhidmatan yang berkualiti serta sukar mendapat maklumat dan sokongan daripada profesional, pegawai intervensi dan ahli terapi (Zorčec, 2019).

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Autisme

Autisme adalah sejenis ketidakupayaan perkembangan yang disebabkan oleh kecelaruan yang dialami dalam sistem saraf pusat manusia oleh World Health Organization dan American Psychological Association (American Psychiatric Association, 2013). Berdasarkan American Psychiatric Association (2013), ciri-ciri kanak-kanak yang mengalami autisme adalah menghadapi kesukaran dari aspek interaksi sosial, bahasa dan komunikasi serta mempunyai masalah tingkah laku. Kajian Chow dan Norshidah (2021) juga mendapati bahawa kanak-kanak yang mengalami autisme mempunyai minat yang terhad seperti suka menyusun mainan dalam satu barisan, suka melihat objek yang berpusing, mengikuti rutin yang sama, berasa sedih dengan perubahan yang kecil, dan cenderung menunjukkan tingkah laku apabila mereka sukar untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain. Kanak-kanak yang mengalami autisme mempunyai ciri-ciri yang berbeza memerlukan intervensi awal yang sesuai bagi membantu mereka mengatasi masalah lewat perkembangan dan mencapai potensi diri seawalnya.

### 2.2. Penggunaan Kaedah Bercerita Kepada Anak Yang Mengalami Autisme

Kaedah bercerita (*social story*) berkesan bagi mempertingkatkan perkembangan komunikasi, sosial, emosi, pengurusan diri dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak yang mengalami autisme (Almumen & Almuhareb, 2020; Win & Lau, 2017). Kaedah bercerita merupakan cerita pendek tentang situasi tertentu, peristiwa atau aktiviti, termasuk juga maklumat atau perkara yang dijangka berlaku dalam suatu situasi bersama dengan alasan tingkah laku yang perlu dilakukan (Almumen & Almuhareb, 2020). Matlamat utama penggunaan kaedah bercerita adalah berkongsi maklumat yang berkaitan seperti tempat, orang, sebab, masa yang akan berlaku dalam suatu situasi kepada kanak-kanak yang mengalami autisme (Karal & Wolfe, 2018). Dengan

penggunaan kaedah bercerita, kanak-kanak yang mengalami autisme lebih bersedia dengan perubahan aktiviti, rutin atau situasi yang baru (Smith et al., 2021).

Buku cerita sosial digunakan khusus bagi kanak-kanak autisme dengan matlamat intervensi yang spesifik. Bagi memastikan kaedah bercerita dapat dilaksanakan secara efektif kepada kanak-kanak yang mengalami autisme, maka individu yang menjalankan intervensi perlu mempunyai kemahiran menggunakan kaedah bercerita. Pembacaan buku cerita sosial boleh dijalankan secara santai atau diintegrasikan dengan rutin harian di rumah (Acar et al., 2017). Penggunaan kaedah bercerita boleh dijalankan tanpa mengira tempat mengikut objektif atau kemahiran sasaran yang ditentukan (Aldabas, 2019). Guru dan ibu bapa juga digalakkan membaca buku cerita sosial sebelum suatu rancangan aktiviti dilaksanakan (Karal & Wolfe, 2018). Kajian Boşnak dan Turhan (2020) menunjukkan bahawa guru yang menjalankan kaedah bercerita sebelum sesi bermain dijalankan kepada kanak-kanak autisme, mampu mengaplikasikan kemahiran berkongsi yang telah dipelajari semasa sesi bermain dijalankan.

Di samping itu, kekerapan penggunaan kaedah bercerita adalah bergantung pada tahap dan keperluan kanak-kanak yang mengalami autisme. Ibu bapa boleh membuat keputusan berdasarkan keperluan anak masing-masing. Ibu bapa boleh bertanya kepada anak mereka bagi mendapatkan maklum balas untuk mengenal pasti kefahaman anak terhadap cerita sosial yang dibaca (Smith et al., 2021). Kanak-kanak yang boleh menjawab soalan pemahaman berdasarkan kaedah bercerita, mampu menunjukkan tingkah laku yang diinginkan seperti yang ditulis dalam buku cerita sosial (Bawazir & Jones, 2017). Bagi memastikan kaedah bercerita dapat dijalankan dengan berkesan kepada anak yang mengalami autisme di rumah, maka ibu bapa memerlukan kemahiran dalam penggunaan kaedah bercerita.

### 2.3. Penglibatan Ibu Bapa Dalam Intervensi

Kaedah bercerita bukan sahaja sesuai dijalankan di sekolah dan pusat intervensi awal, malah kaedah bercerita juga sesuai dijalankan di rumah (Acar et al., 2017) supaya intervensi ini dapat dijalankan secara konsisten kepada anak. Ibu bapa memainkan peranan yang penting meneruskan intervensi di rumah. Menurut Landa (2018), tanggungjawab ibu bapa bukan sekadar menguruskan dan menyediakan keperluan anak, mereka juga perlu melibatkan diri dalam menjalankan intervensi di rumah supaya dapat memaksimumkan potensi dan meminimumkan ketidakupayaan anak. Oleh itu, ibu bapa boleh menggunakan kaedah bercerita bagi meningkatkan perkembangan kanak-kanak yang mengalami autisme di rumah (Bryan et al., 2018). Ini disebabkan kaedah bercerita senang dilaksanakan oleh ibu bapa di rumah dan merupakan intervensi yang efektif bagi perkembangan kanak-kanak autisme (Kokina & Kern, 2010).

Ibu bapa boleh menggunakan kaedah bercerita secara berterusan dan berulang-ulang kali kepada kanak-kanak yang mengalami autisme (Bryan et al., 2018). Hal ini kerana pengulangan bacaan buku cerita sosial kepada kanak-kanak yang mengalami autisme mampu meningkatkan kefahaman dan ingatan mereka terhadap tingkah laku atau kemahiran sasaran yang perlu dilakukan dalam situasi sosial yang berbeza (Stathopoulou et al., 2020) serta mengurangkan perasaan kebimbangan kanak-kanak yang mengalami autisme terhadap rutin dan aktiviti baru (Smith et al., 2021). Anak yang mengalami autisme akan mendapat manfaat sekiranya ibu bapa menjalankan intervensi atau memberikan intervensi secara intensif kepada anak di rumah (Burrell & Borrego, 2012). Sokongan formal dan profesional kepada ibu bapa adalah penting supaya ibu

bapa dapat menjalankan dan meneruskan terapi dan intervensi yang berkualiti kepada anak yang mengalami autisme (Twomey & Shevlin, 2017).

### 3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji penggunaan kaedah bercerita oleh ibu bapa kepada anak yang mengalami autisme di rumah. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual semi berstruktur. Sesi temu bual dengan ibu bapa telah dijalankan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi Zoom. Responden kajian terdiri daripada 3 orang iaitu 2 orang ibu dan seorang bapa yang mempunyai anak autisme dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun. Subjek kajian telah dipilih secara pensampelan bertujuan berdasarkan ciri-ciri tertentu iaitu ibu atau bapa yang mempunyai anak yang mengalami autisme dalam lingkungan umur 4 hingga 6 tahun; ibu atau bapa yang mempunyai anak yang mengalami autisme yang sedang menghadiri program intervensi awal di sebuah pusat intervensi awal di Putrajaya; dan ibu atau bapa yang pernah menggunakan kaedah bercerita dengan anak yang mengalami autisme di rumah. Bagi menganalisis data, maklumat yang diperolehi dari temu bual dipindahkan kepada bentuk transkripsi sebelum dianalisis.

### 4. Hasil Kajian


Peserta kajian merupakan seorang bapa dan dua orang ibu yang mempunyai anak autisme. [Jadual 1](#) menunjukkan profil ketiga-tiga peserta yang mempunyai latar belakang pendidikan di peringkat universiti iaitu 2 orang mempunyai Ijazah Sarjana Muda dan seorang mempunyai Ijazah Sarjana.

Jadual 1: Profil responden

Responden	Ibu/Bapa	Umur (tahun)	Pekerjaan	Tahap Pendidikan
R1	Bapa	43	Jurutera	Ijazah Sarjana Muda
R2	Ibu	43	Guru	Ijazah Sarjana
R3	Ibu	34	Pegawai Perubatan	Ijazah Sarjana Muda

Berdasarkan hasil analisis dari transkrip temu bual peserta kajian, didapati bahawa ibu atau bapa mempunyai 3 kemahiran penggunaan kaedah bercerita kepada anak yang mengalami autisme di rumah iaitu kesesuaian persekitaran penggunaan kaedah bercerita, kesesuaian waktu dan kekerapan penggunaan kaedah bercerita, dan medium penyampaian kaedah bercerita. [Rajah 1](#) menunjukkan gambaran secara keseluruhan pecahan tema dan sub-tema yang dikenal pasti selepas analisis data temu bual.

Rajah 1: Tema dan Sub-Tema Kemahiran Penggunaan Kaedah Bercerita



#### 4.1. Kesesuaian Persekitaran

Hasil temu bual mendapati kesemua subjek kajian mempunyai kemahiran menyediakan persekitaran yang sesuai iaitu bebas dari bunyi dan selesa semasa melaksanakan kaedah bercerita di rumah supaya tumpuan anak autisme tidak diganggu oleh persekitaran.

*"... satu tempat yang jauh daripada distraction which is kalau saya, saya rasa ruang tamu tu satu distraction sebab ada television dekat situ. Television tu bisung jadi dia, Adam ni memang cepat distracted. Jadi kita tak boleh baca dekat situ la". (R1)*

*"Ha ruang tamu. Kami tak on TV masa tu, so tak ada bunyi TV yang boleh mengganggu fokus anak". (R3)*

*"Tempat yang selesa bagi dia, biasanya errr dekat bilik tidur lah, sebelum tidur tu kan". Haa, tapi kalau macam biasa, amm biasa biasa tu, dekat sofa, santai-santai je kan. Haa cakap-cakap dengan dia". (R2)*

Persekitaran penggunaan kaedah bercerita yang bebas dengan bunyi bisung dan selesa secara tidak langsung menarik minat dan meningkatkan fokus anak semasa pembacaan buku cerita sosial. Ruang tamu mempunyai persekitaran yang selesa bagi melaksanakan kaedah bercerita. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu memastikan TV tidak dibuka supaya anak autisme tidak diganggu dengan bunyi televisyen.

#### 4.2. Kesesuaian Waktu dan Kekerapan

Penggunaan kaedah bercerita adalah intervensi yang efektif kerana waktu melaksanakan kaedah bercerita dapat dijalankan sebelum suatu aktiviti sosial berlaku, dijalankan

secara harian dan penggunaan kaedah bercerita dapat dijalankan secara berulang dalam sehari kepada anak autisme di rumah.

#### 4.2.1. Baca cerita sosial sebelum aktiviti berlaku

Bagi peningkatan pemahaman kanak-kanak yang mengalami autisme terhadap rutin baru, kemahiran baru dan aktiviti baru, kesemua responden melaksanakan kaedah bercerita sebelum suatu aktiviti sosial berlaku seminggu atau sebulan lebih awal sebelum suatu aktiviti sosial berlaku. Contohnya:

*“Err saya rasa paling kurang pun, paling lama pun seminggu la”. (R1)*  
*“... I boleh prepare one week earlier lagi bagus tapi kalau errr the...the... the thing I have to, contoh macam vaksin ni kan...vaksin ke, I takkan buat one day before la (ketawa kecil). Because macam one day before tu dia akan lebih... emm macam kurang... tak dapat kurangkan dia punya anxious kan so I akan try lagi...lagi lama. Lagi awal lagi bagus la. So, kalau ada seminggu, seminggu la. Boleh”. (R3)*

Walaupun R1 dan R3 mempunyai amalan penggunaan kaedah bercerita mengikut satu tempoh sekitar seminggu mengikut keadaan, terdapat R2 memerlukan tempoh yang panjang iaitu sebulan awal penggunaan kaedah bercerita kerana anak autisme beliau mempunyai ciri-ciri kesukaran menerima perubahan.

*“...macam dia masuk center baru ni kan, kalau tak silap saya, eeee masa tu, sebulan sebelum dia tu, saya dah cakap dengan dia dah”. (R2)*

#### 4.2.2. Harian sebagai pengulangan

Selain itu, kanak-kanak yang mengalami autisme menguasai dan juga mengingat kemahiran yang perlu dipelajari, dengan mengulang pembacaan buku cerita sosial secara harian. Ibu bapa biasanya akan mengulangi penggunaan kaedah bercerita pada waktu malam sebelum anak tidur di bilik tidur atau waktu siang sebelum anak ke sekolah di ruang tamu.

*“Errr sebab kami biasalah bekerja kan, jadi masa yang ada pun malam jelah kami nak cerita so itu je lah kot masanya.... Jadi memang malam je lah”. (R1)*

*“Aaaa biasanya saya akan bacakan pada Rayyan biasanya sebelum tidur. Haa sebelum tidur tu la selalu jadi aktiviti aaaa baca social story ataupun nak bagitau apa-apa”. (R2)*

*“I memang bagi, first I biasa baca before tidur la. Macam before story book time tu, I kata kita nak baca social story dulu untuk what happen tomorrow, untuk what happen today. Macam tu la”. (R3)*

Selain waktu malam, kadang-kadang R2 dan R3 juga melaksanakan kaedah bercerita sebelum anak ke sekolah di ruang tamu.

### 4.2.3. Sekurang-kurangnya sekali dalam sehari

Kesemua responden juga berkongsi bahawa kekerapan penggunaan kaedah bercerita adalah sekurang-kurangnya sekali dalam sehari kepada anak autisme di rumah. Antara kenyataan yang dibuat oleh ketiga-tiga ibu atau bapa mengenai kekerapan penggunaan kaedah bercerita adalah seperti di bawah:

*"Sekali sehari". (R1)*

*"Biasanya aaa dua tiga kali jugaklah sebab kadang-kadang Rayyan pun akan... dia pun, dia suka macam akan "Esok Rayyan pergi...?".Haa dia akan tanya pula kan. So kita akan remind dialah". (R2)*

*"Sehari la depends on what activity. Contoh kalau macam nak ajak tunjukkan dia kena pergi sekolah, because he's anxious tak nak pergi sekolah, menangis. So before tidur dengan esok pagi before pergi sekolah. I akan tengok mood dia tapi paling maximum pun two times. Two times per day. Minimum pun one time la". (R3)*

Daripada dapatan temu bual ini dapat kita simpulkan bahawa penggunaan kaedah bercerita dalam tempoh seminggu yang meliputi 7- 14 sesi, mampu membawa perubahan positif kepada kanak-kanak yang mengalami autisme terhadap rutin, kemahiran dan aktiviti baru.

## 4.3. Medium Penyampaian

Kaedah bercerita boleh dijalankan dalam bentuk yang berbeza iaitu secara fizikal atau penggunaan alat teknologi. Melalui analisis dapatan temu bual ini, dapat dilihat bentuk kaedah bercerita yang digunakan oleh semua responden.

### 4.3.1. Penggunaan kaedah bercerita dalam bentuk fizikal

Kesemua responden sebulat suara bersetuju bahawa kaedah bercerita yang digunakan adalah lebih sesuai dalam bentuk fizikal kerana lebih memenuhi keperluan anak autisme jika berbanding dengan penggunaan alat teknologi. Daripada dapatan temu bual, kesemua responden lebih menggemari menggunakan cerita sosial dalam bentuk fizikal kerana ia boleh dipegang dan lebih sesuai kepada anak.

*"Errr Adam ni lebih kepada benda fizikal yang boleh pegang, boleh tengok kan. Kalau telefon atau benda yang pre-recorded ni, yang kita nak kena playback dekat devices, saya rasa kita errr tak, kurang sesuailah untuk Adam". (R1)*

*"Rayyan ni dia prefer lagi kalau mencetak la sebab dia suka ammm pegang kan". (R2)*

*"I think its mencetak lagi...lagi...bagus la. Ha sesuai". "... kalau mencetak pun dia lagi happy nak... nak tengok". (R3)*

#### 4.3.2. Penggunaan kaedah bercerita dengan telefon atau iPad

Walau bagaimanapun, R2 dan R3 masih menggunakan kaedah bercerita dengan alat teknologi dalam beberapa situasi tertentu. Menurut R2, beliau hanya menggunakan telefon bagi pembacaan cerita sosial apabila tidak sempat mencetak cerita sosial kepada anak. Manakala R3 hanya menjalankan kaedah bercerita melalui telefon atau iPad kepada abang autisme sahaja kerana abang telah mula menghadiri kelas secara atas talian.

*"Kadang-kadang saya tak sempat nak print, nak nak laminate pun. Saya tunjuk tunjuk je dekat handphone". (R2)*

*"Eerrr tapi for abang, lately because dia errr ada banyak online apa... online class macam tu kan, so dia lagi... macam dia boleh read dekat handphone atau iPad. So macam baru-baru ni I buat untuk social story dia pergi vaksin... I guna phone sahaja. Errr guna picture phone, so dia errr dia boleh, boleh... boleh terima. Emmm". (R3)*

R1 tidak menggunakan alat teknologi dalam pembacaan cerita sosial kepada anak autisme di rumah, namun kesemua responden lebih suka menggunakan kaedah bercerita dalam bentuk fizikal dan hanya kaedah bercerita dengan telefon atau iPad apabila diperlukan sahaja.

### 5. Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa ibu atau bapa mempunyai kemahiran menggunakan kaedah bercerita kepada anak autisme di rumah secara berkesan. Ibu bapa perlu menyediakan persekitaran yang sesuai iaitu bebas dengan bunyi dan selesa kepada anak yang mengalami autisme di rumah. Kanak-kanak yang mengalami autisme memerlukan tempat yang sesuai untuk membaca buku cerita sosial supaya mereka lebih berfokus pada pembacaan buku cerita sosial ([Bawazir & Jones, 2017](#)).

Selain itu, bagi peningkatan pemahaman kanak-kanak yang mengalami autisme terhadap rutin, kemahiran atau aktiviti baru, kemahiran menggunakan kaedah bercerita sebelum suatu aktiviti sosial baru berlaku sama ada membaca cerita sosial seminggu lebih awal atau sebulan lebih awal amat diperlukan. Ini disebabkan terdapat kanak-kanak autisme yang mempunyai ciri-ciri suka mengikuti rutin yang sama dan berasa sedih dengan perubahan yang kecil ([Chow & Norshidah, 2021](#)). Penggunaan kaedah bercerita sebelum suatu aktiviti sosial berlaku dapat membantu kanak-kanak autisme lebih bersedia dengan perubahan yang baru ([Smith et al., 2021](#)). Oleh itu, ibu bapa adalah digalakkan membaca buku cerita sosial lebih awal atau serta merta sebelum suatu aktiviti yang dirancang dilaksanakan.

Di samping itu, kemahiran mengulangi pembacaan buku cerita sosial secara harian dapat memastikan anak yang mengalami autisme mampu menguasai dan mengingat kemahiran yang dipelajari serta mengekalkan tingkah laku positif. Pengulangan kaedah bercerita boleh berlaku bila-bila masa dan berulang-ulang kali sekiranya kemahiran tersebut masih diperlukan oleh kanak-kanak yang mengalami autisme ([Smith, 2001](#)). Memandangkan ibu bapa perlu bekerja pada waktu siang maka mereka hanya sempat meluangkan masa membaca cerita sosial pada waktu malam sebelum anak tidur dan juga sebelum anak ke sekolah. Oleh itu, ibu bapa telah mengintegrasikan penggunaan kaedah

bercerita dengan rutin harian anak di rumah. Rutin penggunaan kaedah bercerita ini dapat membantu kanak-kanak yang mengalami autisme lebih bersedia dengan pembelajaran di rumah (Smith et al., 2021).

Walaupun ibu bapa sibuk bekerja, mereka tetap melaksanakan kaedah bercerita sekurang-kurangnya sekali dalam sehari kepada anak autisme di rumah sehinggakan anak mereka mampu membawa perubahan positif ke atas rutin, kemahiran atau aktiviti baru kepada kanak-kanak yang mengalami autisme (Smith et al., 2021). Kaedah bercerita boleh dijalankan secara fizikal dalam buku atau menggunakan alat teknologi. Ibu bapa lebih menggemari melaksanakan kaedah bercerita dalam bentuk fizikal iaitu buku dari penggunaan alat teknologi seperti telefon atau iPad kerana anak mereka lebih menggemari membaca buku fizikal cerita sosial. Walau bagaimanapun, kajian Boşnak dan Turhan (2020) mendapati penggunaan kaedah bercerita melalui alat teknologi lebih digemari oleh kanak-kanak autisme berbanding dengan kaedah tradisional yang menggunakan buku dan kertas. Kajian Karal dan Wolfe (2018) serta Aldabas (2019) turut menyatakan bahawa penggunaan kaedah bercerita melalui peranti digital adalah lebih berkesan kepada kanak-kanak yang mengalami autisme. Penggunaan kaedah bercerita melalui alat teknologi lebih menjimatkan masa kerana hanya perlu penyediaan peranti digital tanpa perlu mencetak bahan (Smith et al., 2021). Pemilihan bentuk penyampaian kaedah bercerita sama ada secara fizikal atau penggunaan alat teknologi seharusnya dipilih berdasarkan keperluan dan kesesuaian anak autisme. Ibu atau bapa seharusnya memilih medium penyampaian kaedah cerita yang paling sesuai kepada anak mereka.

Kajian ini mendapati ibu bapa mempunyai kemahiran dan yakin untuk menjalankan kaedah bercerita dengan anak autisme di rumah walaupun terdapat ibu bapa tidak melibatkan diri dalam proses intervensi dan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas kerana mereka tidak tahu cara untuk melibatkan diri (Ainul Izzah et al., 2018). Selain itu, ibu bapa sering menghadapi cabaran mendapatkan perkhidmatan awam yang berkualiti serta susah mendapat maklumat dan sokongan daripada profesional, guru dan ahli terapi (Zorčec, 2019). Oleh itu, ibu bapa perlu mendapatkan bimbingan dan khidmat nasihat penggunaan kaedah bercerita serta bahan kaedah bercerita daripada guru anak mereka.

Walaupun terdapat kajian penggunaan kaedah bercerita yang dijalankan di sekolah dan lebih fokus kepada penggunaan guru kepada murid (Mayton et al., 2013; McGill et al., 2015; Sunitha & Aliza, 2017), namun kaedah bercerita juga boleh digunakan oleh ibu bapa kepada anak autisme di rumah (Acar et al., 2017). Berdasarkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979), perkembangan kanak-kanak disokong oleh hubungan sistem yang kompleks di antara peringkat persekitaran seperti rumah dan sekolah. Ibu bapa berada dalam lapisan mikrosistem yang paling dekat dengan anak autisme mereka. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menjalankan kaedah bercerita kepada anak di rumah. Sokongan dan bimbingan guru diperlukan agar ibu bapa juga mampu menggunakan kaedah bercerita dengan anak di rumah. Mohd Suhaimi dan Nur Natasha (2018) menyatakan bahawa sokongan formal dan profesional kepada ibu bapa membolehkan mereka menjalankan intervensi yang berkualiti kepada anak mereka yang mengalami autisme.

Ibu bapa yang bekerjasama dengan guru atau ahli terapi dapat melibatkan diri dalam intervensi anak autisme di rumah jika mereka diberi penerangan yang jelas dan maklumat intervensi yang tepat (Twomey & Shevlin, 2017). Walaupun sibuk bekerja, tetapi ibu bapa berusaha untuk belajar menggunakan kaedah bercerita daripada guru

dan seterusnya mengamalkannya di rumah. Ibu bapa tidak melepaskan tanggungjawab anak mereka ke pusat intervensi awal sahaja. Penggunaan kaedah bercerita merupakan suatu usaha kolaboratif antara guru dan ibu bapa anak autisme dalam melaksanakan kaedah bercerita dengan cekap dan konsisten di sekolah serta di rumah supaya mendapat hasil yang berjaya (Sunitha & Aliza, 2017). Kaedah bercerita merupakan intervensi yang mampu dijalankan oleh ibu bapa kepada anak autisme di rumah. Profesional seperti pendidik, pegawai intervensi, serta ahli terapi yang menawarkan perkhidmatan intervensi mempunyai pengetahuan dan kemahiran menggunakan kaedah bercerita supaya dapat memberi bimbingan kepada ibu bapa yang mempunyai anak autisme.

## **6. Kesimpulan**

Kaedah bercerita merupakan salah satu intervensi yang berkesan dalam meningkatkan perkembangan komunikasi, sosial, emosi, pengurusan diri dan pengurusan tingkah laku kanak-kanak yang mengalami autisme. Penggunaan kaedah bercerita adalah mudah, selamat dan senang dijalankan kepada anak autisme di rumah. Ibu bapa yang mempunyai kemahiran penggunaan kaedah bercerita digalakkan menggunakan kaedah bercerita secara berulang dan konsisten supaya dapat membantu anak mengekalkan atau mengingatkan tingkah laku dalam suatu situasi sosial. Intervensi yang berterusan di rumah dapat memberi impak yang positif kepada perkembangan kanak-kanak yang mengalami autisme. Justeru, sokongan formal dan profesional penggunaan kaedah bercerita kepada ibu bapa amat penting supaya ibu bapa mampu menjalankan kaedah bercerita secara efektif di rumah sehingga keupayaan anak dapat diperkembangkan secara optimum.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada responden kajian yang sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini. Seterusnya juga kepada Dr. Aliza Binti Alias selaku penyelia yang banyak memberikan bimbingan sepanjang tempoh kajian ini berlangsung.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana- mana pihak.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan kajian ini.

## Rujukan

- Acar, C., Tekin-Iftar, E., & Yikmis, A. (2017). Effects of mother-delivered social stories and video modeling in teaching social skills to children with autism spectrum disorders. *The Journal of Special Education*, 50(4), 215–226.
- Ainul Izzah Abdul Manan, Noh Amit, Zaini Said & Mahadir Ahmad. (2018). The influences of parenting stress, children behavioral problems and children quality of life on depression symptoms among parents of children with autism: Preliminary findings. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia Isu Khas*, 16(S), 137–143.
- Aldabas, R. (2019). Effectiveness of social stories for children with autism: A comprehensive review. *Technology and Disability*, 31(1–2), 1–13.
- Almumen, H., & Almuhareb, K. (2020). Technology-enriched social story intervention: Engaging children with autism spectrum disorders in social communication. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 12(1), 96–119.
- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (5<sup>th</sup> ed.). <https://doi.org/10.1176/appi.books.9780890425596>
- Bawazir, R., & Jones, P. (2017). A theoretical framework on using social stories with the creative arts for individuals on the autistic spectrum. *International Journal of Medical and Health Sciences*, 11(9), 533–541.
- Boşnak, Ö., & Turhan, C. (2020). Presentation of social stories with tablet computers in social skill instruction for students with autism spectrum disorder. *Elementary Education Online*, 19(4), 2161–2170.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Harvard University Press.
- Bryan, V.C., Musgrove, A.T., & Powers, J.R. (2018). Handbook of research on human development in the digital age. Dlm. Lau, B. T. & Win, K. M. (pnyt). *Differentiated animated social stories to enhance social skills acquisition of children with autism spectrum disorder, advances in human and social aspects of technology* (hlm. 300–329). IGI Global.
- Burrell, T. L., & Borrego, J. J. (2012). Parents' involvement in ASD treatment: What is their role? *Cognitive and Behavioral Practice*, 19(3), 423–432.
- Chow Mui Kuin & Norshidah Mohd Salleh. (2021). Penggunaan social story dalam intervensi masalah tingkah laku kanak-kanak autisme kefungsi rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 537–548. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12947>
- Estes, A., Swain, D.M., & MacDuffie, K.E. (2019). The effects of early autism intervention on parents and family adaptive functioning. *Pediatric Medicine*, 2(21), 1–14.
- Halle, S., Ninness, C., Ninness, S.K., & Lawson, D. (2016). Teaching social skills to students with autism: A video modeling social stories approach. *Behavior and Social Issues*, 25, 42–63.
- Karal, M., & Wolfe, P. (2018). Social story effectiveness on social interaction for students with autism: A review of the literature. *Education and Training in Autism and Developmental Disabilities*, 53(1), 44–58. <https://www.jstor.org/stable/26420426>
- Kokina, A., & Kern, L. (2010). Social story™ interventions for students with autism spectrum disorders: A meta-analysis. *Journal of Autism and Developmental*

- Disorders*, 40(7), 812–826. <https://doi.org/10.1007/s10803-009-0931-0>  
PMID:20054628
- Landa, R.J. (2018). Efficacy of early interventions for infants and young children with, and at risk for, autism spectrum disorders. *International Review of Psychiatry*, 30(1), 25–39. <https://doi.org/10.1080/09540261.2018.1432574>
- Mayton, M. R., Menendez, A. L., Wheeler, J. J., Carter, S. L., & Chitiyo, M. (2013). An analysis of social stories™ research using an evidence-based practice model. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 13(3), 208–217.
- McGill, R. J., Baker, D., & Busse, R. T. (2015). Social Story™ interventions for decreasing challenging behaviours: A single-case meta-analysis 1995–2012. *Educational Psychology in Practice*, 31(1), 21–42.
- Mohd Suhaimi Mohamad & Nur Natasha Amelia Rosdi. (2018). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan, tekanan psikologikal dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan penjaga kanak-kanak autisme. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 123–132.
- Siti Izani, I., Sathya, M., & Anis, S. R. (2017). Pembangunan perisian aplikasi bagi kanak-kanak autistik: Pendekatan pembelajaran di rumah. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 1(1), 230-239.
- Smith, E., Constantin, A., Johnson, H., & Brosnan, M. (2021). Digitally-mediated social stories support children on the autism spectrum adapting to a change in a ‘real-world’ context. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 51(2), 514–526. <https://doi.org/10.1007/s10803-020-04558-5>
- Smith, C. (2001). Using social stories to enhance behavior in children with autistic spectrum difficulties. *Educational Psychology in Practice*, 17(4), 338-345. <https://doi.org/10.1080/02667360120096688>
- Stathopoulou, A., Loukeris, D., Karabatzaki, Z., Politi, E., Salapata, Y., & Drigas, A. (2020). Evaluation of mobile apps effectiveness in children with autism social training via digital social stories. *International Journal of Interactive Mobile Technologies (ijIM)*, 14(03), 4–18.
- Sunitha Balakrishnan & Aliza Alias. (2017). Usage of social stories in encouraging social interaction of children with autism spectrum disorder. *Journal of ICSAR*, 1(2), 91–97.
- Twomey, M., & Shevlin, M. (2017). Parenting, autism spectrum disorders and inner journeys. *Journal of Research in Special Educational Needs*, 17(3), 157–167.
- Win Ko Min & Lau Bee Theng. (2017). Integration of digital social story intervention into differentiated instruction framework. *Journal of Integrated Design and Process Science*, 21(4), 41–56.
- Yazici, D.N., & Akman, B. (2020). Expectations of parents having children with autism from early intervention programs. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 12(1), 264–276.
- Zorčec, T. (2019). Needs and challenges facing parents/caregivers of children with autism spectrum disorder: The Southeast European Autism Network survey. *Hrvatska Revija Za Rehabilitacijska Istraživanja*, 55(2), 31–39.